



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM *HOUSING DEMOCRACY* DAN PAMERAN KERJAYA MBSP

### OLEH

YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L  
KARPAL SINGH  
**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI P. PINANG MERANGKAP**  
**PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA**

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**20 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT)**  
**8.00 PAGI**

**AUDITORIUM MENARA MBSP  
BANDAR PERDA**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan  
Perancangan Bandar & Desa

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**YBhg. Datin Hjh. Che Limah Binti Hj. Ujang**

Pengerusi PUSPANITA MPSP

**Encik Mohd. Tahir bin Othman**

Pengerusi ANULAE Seberang Perai

**Encik Mat Nasir bin Hassan**

Naib Yang Dipertua PESUKA

**Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff**

Yang Dipertua PERMAI

**Puan Latifah binti Razali**

Pengerusi KOSPEMA

**Warga Kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Perasmian Program *Housing Democracy* Dan Pameran Kerjaya MBSP. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkup Penggerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa kerana sudi bersama-sama dengan Ahli-Ahli Majlis MBSP, Puan Setiausaha Bandaraya MBSP, Ketua-Ketua Jabatan MBSP dan seluruh kakitangan MBSP.

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah dengan secara rasminya diisyiharkan sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkuatkuasa pada 16 September 2019. Dengan pengisytiharan ini, MBSP menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-15 daripada 150 PBT yang bertaraf bandaraya. Pulau Pinang adalah negeri pertama di Malaysia yang mana kedua-dua PBT di negeri itu bertaraf bandaraya dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di bahagian pulau manakala MBSP di seberang.

MBSP akan terus komited dan beriltizam untuk muncul sebagai Bandaraya Rendah Karbon menjelang 2022 dan turut menetapkan sasaran untuk menjadikan Bandaraya Seberang Perai sebagai bandar karbon neutral menjelang 2030.

Untuk mencapai aspirasi ini, MBSP telah mewujudkan Hala Tuju Strategik Seberang Perai yang mampan dan lestari Jangka Pendek, Sederhana dan Panjang. Malahan ianya menjadi Kontrak Sosial bagi menjadikan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandaraya Dipacu oleh Teknologi”. Kontrak sosial ini menandakan bermulanya era *Contemporary Society* yang berpegang kepada falsafah “Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar Berpaksikan Rakyat”.

Ini merupakan saat yang membanggakan buat warga kerja MBSP, seluruh penduduk Seberang Perai dan juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana berjaya dinaiktaraф menjadi Majlis Bandaraya. MBSP akan terus komited untuk membawa perubahan kepada rakyat setelah dinaiktaraф menjadi bandaraya terutamanya dalam *Institutional Reform* dan sistem penyampaian supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmatinya. Pembaharuan institusi dan sistem penyampaian yang pantas berada di

bawah *Strategic Initiatives C4* iaitu *Accelerate Programme Delivery And Institutional Reform* dalam Penang2030.

**Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Saya dimaklumkan melalui perjumpaan bersama pekerja dari golongan B40, bahawa ramai pekerja MBSP masih tinggal bersama keluarga atau menyewa bilik atau rumah, tanpa memiliki rumah sendiri. MBSP ingin menumpukan usaha untuk membolehkan dan memastikan setiap kakitangan MBSP hendaklah memiliki rumah sendiri dalam Program *Housing Democracy*.

Ini adalah selaras dengan Tema A Penang2030 iaitu *Increase Liveability To Enhance Quality Of Life*, di mana MBSP mencari penyelesaian dalam menangani isu-isu pemilikan rumah di kalangan warga kerja MBSP seperti yang ditekankan dalam tema A1 Penang2030 iaitu *Address Housing Affordability And Diversity*.

Menyingkap kembali kepada Hala Tuju Seberang Perai Ke Arah Bandaraya Seberang Perai Yang Mampan dan Lestari, MBSP telah merangka faedah-faedah yang boleh dinikmati oleh rakyat apabila Seberang

Perai menjadi Bandaraya. Salah satu faedah adalah Peluang-Peluang Pemilikan Rumah dan Meningkat Kualiti yang mengandungi perkara-perkara berikut:-

- i. Memperkenalkan Skim Pemberian Nombor Rumah Kediaman Kampung – kemudahan pemilikan alamat rumah dan keselesaan;
- ii. Mempromosikan *Housing Democracy* - pemilikan rumah oleh pekerja melalui program *match-making* antara pekerja dan bank, serta pekerja dan pemaju;
- iii. Garis Panduan Rumah Sederhana Rendah bertujuan memperbanyakkan bekalan rumah mampu milik di pasaran;
- iv. Garis Panduan Pindaan dan Tambahan Ruang Kediaman bagi memberikan ruang keselesaan kepada pemilik rumah;
- v. Buku Panduan Pindaan dan Tambahan Kecil Rumah Kediaman untuk kelulusan serta merta;

vi. Pelan Setara Rumah Sesebuah bagi membolehkan kelulusan segera untuk kemudahan pemilik rumah.

Konsep *Housing Democracy* merupakan satu cetusan idea yang bersesuaian dengan tema bajet tahun ini iaitu *people centric* yang merangkumi semua aspek komuniti dan warga kerja MBSP. Program kempen *housing democracy* ini tidak pernah dibuat oleh mana-mana agensi kerajaan atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sehingga ini sebanyak lima (5) agensi, lapan (8) institusi perbankan dan sembilan (9) pemaju perumahan telah bersetuju untuk berkerjasama dalam program *housing democracy* ini. Hari ini kesemua agensi, institusi perbankan dan pemaju perumahan ini telah mempamerkan perkhidmatan mereka di ruang pameran di sini. Saya mengharapkan warga kerja MBSP mengambil peluang ini untuk melawat ruang pameran yang sedia ada untuk melihat peluang dan mendapat khidmat nasihat dalam pemilikan rumah sendiri.

**DI ANTARA AGENSI / BANK / PEMAJU PERUMAHAN YANG MENYERTAI PAMERAN  
IALAH:-**

**SENARAI AGENSI (5)**

- i. BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
- ii. PEJABAT PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL, NEGERI PULAU PINANG
- iii. AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK)
- iv. PEJABAT PILIHAN RAYA NEGERI PULAU PINANG
- v. LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)

**SENARAI BANK (8)**

- i. MALAYAN BANKING BERHAD (MAYBANK)
- ii. CIMB BANK BERHAD
- iii. BANK RAKYAT
- iv. BANK ISLAM (M) BERHAD
- v. PUBLIC BANK BERHAD
- vi. BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD
- vii. RHB BANK BERHAD
- viii. BANK SIMPANAN NASIONAL

**SENARAI PEMAJU PERUMAHAN (9)**

- i. TF LAND SDN. BHD.
- ii. BANDAR KEPALA BATAS SDN. BHD.
- iii. SUNRISE MANNER SDN. BHD.
- iv. JKP SDN. BHD.
- v. KUNTUM BINA SDN. BHD.
- vi. PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG
- vii. SETIA FONTAINES SDN. BHD.
- viii. ASAS DUNIA BERHAD
- ix. BERTAM PROPERTIES SDN. BHD.

**Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Sempena pengisytiharan Majlis Bandaraya Seberang Perai, satu Pameran Kerjaya MBSP juga diadakan di Lobi, Kaunter Berpusat MBSP. Antara tujuan penganjuran Pameran Kerjaya MBSP adalah untuk:-

- i. Mengisi kekosongan jawatan Pembantu Penguinkuasa (Gred KP19); Pembantu Kesihatan Awam (Gred U19); Pemandu Kenderaan (Gred H11) dan Pembantu Awam (Gred H11);
- ii. Memberi peluang kerjaya kepada orang awam selaras dengan usaha MBSP ke arah pendekatan *people centric* dalam mendokong *Seberang Corporate Priorities 2019* dan *Seberang Perai Strategies Direction*.
- iii. Memberi pendedahan kepada kakitangan-kakitangan yang sedia ada berhubung peluang untuk kenaikan pangkat dan sebagai yang bertepatan dengan Tema B Penang2030 iaitu *Upgrade The Economy to Raise Household Incomes*.

Sudut Pameran Kerjaya memaparkan kelengkapan peralatan pekerjaan dan pakaian seragam bagi jawatan yang ditawarkan serta menayangkan video korporat dan tayangan gambar berkenaan pekerjaan di MBSP.

Untuk makluman, bagi yang berminat untuk memohon jawatan di MBSP, pengisian permohonan jawatan yang ditawarkan adalah secara online dari pukul 9.00 pagi sehingga 5.00 petang. Orang awam boleh mengakses e-Jawatan MBSP dalam laman web MBSP ([www.mbsp.gov.my](http://www.mbsp.gov.my)). Pemohon boleh terus ke Kaunter Pendaftaran yang bertempat di Lobi Kaunter Berpusat. Sila bawa Sijil Akademik bagi memudahkan proses mengisi borang jawatan secara talina di kaunter tersebut.

**Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Saya menghargai usaha-usaha yang ditunjukkan oleh semua kakitangan MBSP tidak kira peringkat jawatan. Pembaharuan yang patut ada pada kita kali ini merupakan satu anjakan baru dan memerlukan pengurusan perubahan atau *change management*. MPSP merupakan satu entiti yang sentiasa memerlukan kepada perubahan bagi membolehkan kita mampu memenuhi tuntutan atau kehendak semasa *stakeholders* termasuk

memastikan visi dan misi MBSP jelas. Ini penting bagi kita membuat pengubahsuaian dan penambahbaikan sistem-sistem atau cara kerja yang ada di dalam organisasi kita supaya menjadi lebih efektif dan efisyen.

Kegagalan melakukan atau bertindak mengikut perubahan dan tuntutan *stakeholders* akan menyebabkan kita menjadi PBT yang ketinggalan dan gagal mencapai aspirasi rakyat. Oleh itu, semua kakitangan terutamanya pihak pengurusan perlu berperanan memberikan keyakinan kepada kakitangan atau kumpulan di bawah mereka agar sentiasa bersedia untuk melakukan perubahan dan yang paling utama perubahan tersebut perlu menjurus kepada kepuasan hati rakyat dan kecemerlangan perkhidmatan MBSP.

MBSP sentiasa berusaha untuk meningkatkan kompetensi pekerja dengan pelbagai pendedahan. Antaranya melalui latihan, pendedahan dan kolaborasi dengan pihak luar untuk melahirkan kakitangan yang berpengalaman, berkemahiran dalam bidang masing-masing dan berkeyakinan tinggi untuk menghadapi cabaran yang mendarang dan terus relevan dengan tuntutan semasa. MBSP.

Walau bagaimanapun, MPSP juga amat menitikberatkan soal integriti dan disiplin kepada semua kakitangan tidak kira kumpulan pengurusan tertinggi atau sokongan. MPSP sememangnya amat komited dalam usaha membanteras rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan, tata tertib dan pecah amanah di kalangan kakitangan.

**Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Saya amat berharap agar semua kakitangan MBSP dapat terus memberikan komitmen yang terbaik di dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dan sentiasa menjaga nama baik organisasi. Bukan mudah untuk meletakkan MBSP sepetimana tahap sekarang ini. Tetapi saya yakin dan percaya dengan adanya kerjasama dan usaha kita pasti dapat lakukan yang terbaik.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah bersama-sama dengan MBSP dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan

Perancangan Bandar & Desa dan juga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa menyokong usaha-usaha MBSP.

Dengan ini, saya sudahi dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah,***  
***Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Sekian, terima kasih.**